

04 SEP 2001

Militan-MILF

MILF NAFI JALIN HUBUNGAN DENGAN KUMPULAN MILITAN MALAYSIA

Oleh: Mohd Haikal Isa

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) tidak menjalin hubungan dengan kumpulan militan Malaysia kerana kumpulan itu cuma menumpukan perhatian untuk menyelesaikan masalah BangsaMoro, kata naib pengerusinya, Haji Murad Ebrahim, hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, Camp AbuBakar, kem utama kumpulan itu di Mindanao, telah dikunjungi oleh ramai pelawat dari pelbagai negara sejak masa lalu.

"Kami tidak mengadakan hubungan dengan mana-mana kumpulan di Malaysia, apatah lagi kumpulan militan. Saya tidak ingat sama ada pernah menemui mana-mana rakyat Malaysia di Camp AbuBakar," kata beliau kepada Bernama dalam wawancara menerusi telefon dari Mindanao.

Murad, yang juga panglima tentera kumpulan itu berkata MILF tidak mengambil perhatian mengenai masalah masyarakat Islam di negara ini sehingga masalah BangsaMoro di Mindanao diselesaikan.

"Kami cuma memberi keutamaan untuk menyelesaikan masalah Moro," kata beliau.

Jurucakap Presiden Gloria Macapagal Arroyo, Rigoberto Tiglao, dipetik sebagai berkata Manila telah menerima laporan perisikan beberapa bulan lalu bahawa satu kumpulan militan di Malaysia telah cuba menjalin hubungan dengan kumpulan Islam di Filipina."

Tiglao juga berkata Istana Presiden telah menerima laporan bahawa MILF, kumpulan utama pejuang Islam di negara itu, mempunyai hubungan rapat dengan golongan militan Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata baru-baru ini bahawa Kumpulan Militan Malaysia (KMM) telah menjalin hubungan dengan pejuang Filipina dan puak pemisah Indonesia yang melancarkan perang terhadap kerajaan masing-masing.

MILF dan kerajaan Filipina menandatangani garis panduan pada 7 Ogos bagi menamatkan permusuhan di Mindanao apabila mereka bersetuju untuk memulihkan keadaan di kawasan-kawasan konflik dan membuka jalan bagi program bantuan, pemulihan dan pembangunan.

Upacara menandatangani itu diadakan di Putrajaya antara ketua panel perunding kerajaan Filipina, Jesus Dureza, dan Murad serta disaksikan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menurut kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak, garis panduan itu akan melaksanakan perjanjian damai yang dicapai di Tripoli, Libya, pada 22 Jun tahun ini.

-- BERNAMA

MHI KHY FAZ